

0070

B B367 AAB  
PARLIMEN - CETAK (LULUS)

KUALA LUMPUR, 4 DIS (BERNAMA) -- RANG UNDANG-UNDANG MESIN CETAK DAN PENERBITAN (PINDAAN) 1987 HARI INI DILULUSKAN SEBULAT SUARA SETELAH DIBAHASKAN SELAMA DUA HARI.

RANG UNDANG-UNDANG ITU DIBENTANGKAN OLEH PERDANA MENTERI, DATUK SERI MAHATHIR MOHAMAD SEMALAM DAN IA ANTARA LAIN BERTUJUAN UNTUK MENGAWAL-SELIA PENGGUNAAN MESIN CETAK DAN PENERBITAN BAGI MENJAGA KETENTERAMAN AWAM DAN KEPENTINGAN NEGARA.

RANG UNDANG-UNDANG ITU JUGA MEMBERI KUASA MUKTAMAD KEPADA MENTERI MENGGANTUNG MANA-MANA PENERBITAN TANPA BOLEH DIPERTIKAIKAN LAGI DI MAHKAMAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG MEMBERI PENJELASAN TERHADAP HUJAH-HUJAH ANGGOTA DEWAN PADA PERBAHASAN RANG UNDANG-UNDANG ITU DI PERINGKAT JAWATANKUASA, BERKATA NIAT SEBENAR PEMBENTANGAN RANG UNDANG-UNDANG ITU ADALAH JELAS SEPERTIS YANG DISEBUTKANNYA SEMALAM.

MENJAWAB PERTANYAAN DATUK SHAHRIR SAMAD (BN-JOHOR BAHRU), PERDANA MENTERI BERKATA JIKA TERDAPAT MANA-MANA PERKATAAN DALAM RANG UNDANG-UNDANG ITU YANG TIDAK JELAS, IA HENDAKLAH DIRUJUKKAN KEPADA NIAT YANG DIJELASKAN OLEH MENTERI. -- LAGI  
1859MST 04 12 87

0079

B B376 AAB  
PARLIMEN - CETAK 2 KUALA LUMPUR

+MUNGKIN PERKATAAN OALAM RANG UNDANG-UNDANG. ITU DITAFSIRKAN DENGAN CARA LAIN DAN BERTENTANGAN DENGAN NIAT MENTERI, JIKA INI BERLAKU, YANG BOLEH DIGUNAKANIALAH NIAT MENTERI DAN BUKAN PERKATAAN YANG DITAFSIRKAN OLEH ORANG RAMAI ITU, +KATA BELIAU..

DATUK SHAHRIR SEBELUM ITU BERTIKAM LIDAH DENGAN TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI, DATUK MEGAT JUNID MEGATAYOB MENGENAI MAKNA PERKATAAN +MENGGENGAMPARKAN FIKIRAN ORANG RAMAI+ DAN BELIAU MAHUKAN MAKNA SEBENAR PERKATAAN ITU.

DATUK MEGAT JUNID MENJELASKAN BAHAWA PERKATAAN ITU MENYENTUH PERKARA-PERKARA YANG BOLEH MENJEJASKAN KESELAMATAN DAN, MENGANCAM KETENTERAMAN NEGARA DAN ORANG RAMAI .

+JIKA YANG BERTHORMAT DARI JOHOR BAHRU MENANG PERTANDINGAN WALKATON DUNIA, IA PASTI MENGGENGAMPARKAN ORANG RAMAI TETAPI TIDAK MUNGKIN KERAJAAN MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP BERITA YANG DITULIS MENGENAI KEMENANGANNYA ITU, +KATA DATUK MEGAT JUNID. |

DATUK SHAHRIR JUGA BEBERAPA KALI MEMBANGKITKAN LAPORAN BERNAMA BARU-BARU INI YANG MENYEBUT BAHAWA TIGA ORANG BERSENJATA MELEPASKAN TENBAK ANDI CHOW KIT DAN BERTANYA APAKAH TINDAKAN YANG AKAN DIAMBIL TERHADAP PERTUBUHAN BERITA ITU. -- LAGI  
1916MST 04 12 07

0080

B B378 AAB  
PARLIMEN - CETAK 3 KUALA LUMPUR

DATUK SERIDR MAHATHIR BERKATA SOAL ITU TIDAK TIMRUL KERANA SEMASA LAPORAN BERNAMA ITU DISIARKAN, RANG UNDANG-UNDANG BERKENAAN BELUM DIBENTANGKAN DI PARLIMEN.

(POLIS MENAHAN PREBET ADAM JAAFAR DARI REJIMEN RENJER KERANA DISYAKI TERLIBAT DALAM KEJADIAN ITU, DAN KESITUASKAN DIBICARAKAN DI MAHKAMAH TINGGI KELAK.)

DATUK SERIDR MAHATHIR JUGA MENEGUR DATUK SHAHRIR KERANA MENGEMUKAKAN SOALAN-SOALAN BERBENTUK ANDAIAN, SEDANGKAN RANG UNDANG-UNDANG ITU BELUM DIKUATKUASAKAN LAGI.

DATUK SHAHRIR KEMUDIAN MENINGGALKAN DEWAN IAITU SELEPAS PERDANA MENTERI MENJELASKAN PERKARA-PERKARA BERKENAAN. -- BERNAMA

1917MST 04 12 07